

PRODUK PERBANKAN ISLAM : CABARAN DAN PROSPEKNYA DI BANK-BANK KONVENSIONAL SABAH

Jasni M. Shariff*
Ahmad Mosfi Mahmood*

ABSTRAK

Di Malaysia, Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah mula beroperasi dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Dalam usaha untuk membolehkan institusi kewangan dan perbankan konvensional menawarkan skim perbankan yang serupa, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah pada tahun 1993 di bank-bank tersebut. Bagaimanapun nama skim tersebut di tukar kepada Sistem Perbankan Islam (SPI) pada 1 Disember 1998. Kajian ini cuba melihat kestabilan permintaan produk SPI yang dijalankan oleh bank-bank konvensional di Sabah. Selain itu, faktor-faktor penarik dan penolak kepada SPI yang ditawarkan oleh bank konvensional turut dibincangkan. Kajian ini seterusnya mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai kestabilan produk SPI. Didapati produk perbankan Islam mempunyai potensi di kalangan pelanggan-pelanggan perbankan konvensional Sabah.

* *Jasni M. Shariff* ialah Pensyarah Program Kewangan dan Perbankan dan *Ahmad Mosfi Mahmood* ialah Pensyarah PERPUSTAKAAN UMS, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah.



1000115522



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH